




Oleh
Datu' Dr. Nazri Khan,
MSTA CFE
Naib Presiden dan
Ketua Penyelidikan
Runcit Affin Hwang
Investment Bank.



PRU 14 Ekonomi Tidak Berdusta

DEMAM pilihan raya telah bermula di Malaysia. Parti politik yang bertanding mula membentangkan manifesto dan menabur janji dalam usaha untuk menambat hati rakyat.

Tempoh sejour sebelum pilihan raya ialah masa paling kritikal kepada ekonomi negara. Selalunya dalam tempoh ini, ekonomi menjadi lebih perlahan, pasaran saham tidak menentu, dan seluruh negara seolah-olah berhenti daripada melakukan aktiviti harian.

Syarikat mungkin menangguhkan rancangan mereka untuk mengambil pekerja

sehingga selesai pilihan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana pelan perniagaan mereka bergantung pada dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Dasar ini berkemungkinan berubah bergantung pada keputusan pilihan raya.

Pelabur dalam negara pula memilih memperlakukan aktiviti jual beli saham sebelum pilihan raya terutama jika ramalan bagi keputusan pilihan raya adalah sukar untuk "dibaca". Hal ini bagi mengelakkan kerugian besar jika saham yang dimiliki mereka merupakan saham yang berkaitan dengan parti politik.

Bagi pelabur asing, mereka tidaklah begitu khuatir. Musuh utama bagi pelabur asing dari segi politik ialah masyarakat anarki, iaitu apabila tiada kerajaan pusat yang mampu memerintah negara. Dalam konteks ini, dapat dilihat di negara bergolak seperti Mesir, Syria, dan Iraq apabila kejatuhan

parti pemerintah negara itu dalam pilihan raya menyebabkan teretusnya huru-hara.

Tentu sekali kemungkinan untuk perkara tersebut berlaku di Malaysia adalah amat tipis. Pelabur asing juga lebih objektif dalam penilaian mereka. Mereka tidak kisah parti mana yang menang kerana mereka yakin tiada sebarang perubahan drastik terhadap ekonomi negara.

Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua belah pihak yang bertanding di Malaysia berkongsi pemikiran dan ideologi yang serupa dari aspek pentadbiran ekonomi negara: kedua-duanya memilih dasar ekonomi berasaskan pasaran dan bersifat terbuka terhadap pelaburan asing, serta menyokong perdagangan antarabangsa.

Bagi penganalisis ekonomi pula, mereka memberikan tumpuan kepada janji parti politik termasuk pemberian bantuan kewangan, pemotongan cukai, penghapusan tol, dan pelbagai insentif lain yang memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi dan kedudukan defisit negara.

Namun begitu, perkara yang paling penting dalam sebuah pilihan raya ialah pendapat rakyat biasa tentang parti politik yang bertanding, kerana mereka merupakan majoriti pengundi.

Secara amnya, terdapat banyak perkara yang dipertimbangkan oleh pengundi sebelum mereka membuat keputusan untuk memangkah sebuah parti politik semasa pilihan raya. Hal ini termasuk keamanan dan keselamatan dalam negara, isu sosial dan personaliti calon itu sendiri.

Secara kebiasaannya, pemimpin yang menyatukan rakyat untuk tujuan keamanan negara selalunya lebih disukai berbanding pemimpin yang memecahbelahkan rakyat. Selain itu, pemimpin yang menjanjikan penyelesaian kepada masalah sosial juga mendapat markah lebih tinggi kerana isu sosial ini lebih dekat di hati rakyat.

Namun begitu, dalam banyak perkara yang mempengaruhi pemilihan sebuah parti politik semasa pilihan raya, keadaan ekonomi negara menjadi penentu utama kepada kebangkitan atau kejatuhan sebuah kerajaan.

Berdasarkan analisis kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum pada tahun 2013, rata-rata menyebut keutuhan pertumbuhan ekonomi negara yang berkembang sehingga 5.6 peratus pada tahun 2012 menjadi penyumbang

kepada kemenangan BN dalam pilihan raya yang dianggap paling sengit dalam sejarah Malaysia. Logikinya, berita positif tentang prestasi ekonomi negara menjadikan rakyat lebih yakin terhadap keupayaan pucuk pimpinan. Sebaliknya, jika berita negatif memenuhi media tempatan menyebabkan rakyat khuatir dan hilang keyakinan terhadap kerajaan.

Berdasarkan pemerhatian penulis ini, hubungan antara kemenangan parti politik dalam pilihan raya dengan keadaan ekonomi adalah disebabkan persepsi rakyat bahawa ekonomi merupakan perkara paling sukar untuk diurus. Lantaran itu, ekonomi menjadi kayu ukur paling tinggi terhadap keupayaan sebuah kerajaan.

Jika kerajaan mampu menguruskan ekonomi dengan baik, tentu sekali kerajaan itu mampu menguruskan perkara "mudah" lain dengan lebih baik. Prestasi ekonomi juga diterjemahkan kepada kualiti kehidupan rakyat. Sehubungan dengan itu, semasa keadaan ekonomi memberangsangkan, rakyat juga menikmati kemaniannya. Apabila ekonomi rapuh, rakyat juga terkena tempasnya.

Fenomena ini bukanlah unik kepada Malaysia, malah di mana-mana negara di

Pemimpin yang menyatukan rakyat untuk tujuan keamanan negara selalunya lebih disukai berbanding pemimpin yang memecahbelahkan rakyat.



Keutuhan perkembangan ekonomi menjadi kayu ukur terhadap keupayaan sebuah kerajaan.



Masalah ekonomi juga dianggap sebagai penyebab utama kekalahan Parti Demokrat dalam pilihan raya AS pada tahun 2016.

seluruh dunia termasuklah kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS). Kumpulan penyelidik dari Brookings Institution pernah menjalankan kajian pada tahun 2012 yang melihat prestasi Presiden AS semasa bertanding dalam pilihan raya bagi penggal kedua.

Daripada 10 Presiden AS yang dikaji, tujuh daripada mereka berjaya dilantik semula bagi penggal kedua, manakala tiga lagi tewas.

Kesemua pemenang ini dibantu oleh ekonomi yang kukuh terutama kadar pengangguran dan inflasi yang rendah. Bagi yang tewas pula, mereka berhadapan dengan isu ekonomi termasuk kadar inflasi yang tinggi dan kegawatan.

Masalah ekonomi juga dianggap sebagai penyebab utama kekalahan Parti Demokrat dalam pilihan raya AS pada tahun 2016. Ekonomi AS di bawah pimpinan Presiden Barack Obama berkembang pada kadar 1.6 peratus pada tahun itu, iaitu paling perlahan sejak tahun 2011. Kesannya, rakyat yang kecewa dengan prestasi ekonomi negara beralih kepada calon atau parti politik lain yang menjanjikan sesuatu yang lebih baik.

Semasa menjadi calon Republikan, Trump berjanji bahawa ekonomi AS akan mengalami pertumbuhan sehingga empat peratus, dan kadar cukai korporat serta cukai individu dikurangkan jika beliau dipilih sebagai presiden. Sebelum Trump dipilih menjadi presiden, boleh dikatakan majoriti penganalisis politik dan ekonomi meramalkan bahawa ekonomi AS akan "runtuah" jika Trump mentadbir negara. Mungkin juga ramalan mereka itu berasaskan oleh karakter

Trump yang luar daripada norma sebagai pemimpin negara.

Namun begitu, rakyat AS yakin dengan janji Trump untuk menghidupkan semula ekonomi negara itu. Akhirnya, Trump menjadi calon presiden paling luar biasa yang dipilih untuk menerajui Kerajaan AS. Pada masa ini, lebih setahun selepas Trump mentadbir AS, ekonomi negara itu semakin kukuh. Kemenangan Trump, dan kesannya terhadap ekonomi AS memberikan pengajaran penting kepada parti politik di Malaysia.


Ekonomi dahagakan perubahan, sama ada dari segi dasar fiskal atau politik. Perubahan membuka banyak potensi baharu yang tidak pernah dibayangkan selama ini. Rakyat telah pun menyaksikannya di Malaysia sebelum ini. Pelbagai transformasi dan perubahan progresif yang dilakukan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak sebelum PRU13 telah

menaikkan imej Malaysia di seluruh dunia. Hal ini termasuk pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan, penghapusan undang-undang drakoniah oleh masyarakat antarabangsa serta pengenalan Model Ekonomi Baharu.

Tindakan berani dan luar daripada kebiasaan seperti itu memberikan nafas baharu kepada ekonomi negara. Maka itu, tidak hairanlah jika Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI melonjak 6.8 peratus kepada 1808.90 sehari selepas PRU13, iaitu paras tertinggi dalam sejarah Malaysia pada masa itu.

Keadaan ekonomi negara merupakan antara petunjuk yang boleh dipercayai jika kita mahu meramal kemenangan atau kekalahan sesebuah parti pemerintah. Walau apa-apa retorik yang dilontarkan orang politik tentang keadaan negara sehingga adakalanya menimbulkan ketakutan kepada rakyat, kita perlu terus memberikan perhatian kepada asas ekonomi negara. Tujuannya, bagi memastikan kita dapat membuat keputusan yang tepat di peti undi dan tidak diperdayakan oleh kempen politik yang mengelirukan. Ekonomi tidak berdusta kepada anda! •

Keadaan ekonomi negara merupakan antara petunjuk yang boleh dipercayai jika kita mahu meramal kemenangan atau kekalahan sesebuah parti pemerintah.



Donald Trump